

12 MAR 2004

Sukan-Permotoran (SIC)

TELEKOM MALAYSIA SEDIAKAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI KEPADA SIC

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Syarikat-syarikat komersil harus mengambil peluang daripada acara-acara sukan permotoran yang dianjurkan di Litar Sepang untuk mempromosi barang dagangan mereka menerusi program rakan kongsi rasmi Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC) yang telah bermula sejak tahun lepas.

"Pembiayaan kewangan adalah lebih ideal, dan ia merupakan cara penganjuran terbaik aktiviti sukan permotoran. Kami faham ada halangan-halangan tertentu dihadapi beberapa syarikat untuk menghulur pembiayaan berupa wang tunai," kata Pengerusi SIC, Datuk Datuk Mokhzani Tun Dr Mahathir kepada pemberita di Menara Kuala Lumpur di sini hari ini.

Terdahulu, Mokhzani dan Ketua Pegawai Operasi TM Telco, Telekom Malaysia Berhad, Datuk Dr Idris Ibrahim telah menyaksikan majlis menandatangani perjanjian perkongsian antara Pengurus Besar SIC Ahmad Mustafa dengan Naib Presiden Kanan Telekom Malaysia, Datuk Adnan Rofiee.

Perjanjian perkongsian itu melantik Telekom Malaysia sebagai Pembekal Rasmi Telekomunikasi kepada SIC.

Di bawah perjanjian perkongsian untuk tempoh tiga tahun yang berakhir Dis 2006 itu, Telekom Malaysia Bhd akan menjadi pembekal perkhidmatan telekomunikasi kepada semua acara lumba anjuran SIC.

Selain menyediakan talian tetap dan perkhidmatan Intergrated Services Digital Network (ISDN) untuk digunakan semasa lumba Formula 1, Telekom Malaysia akan turut menyediakan lain-lain perkhidmatan seperti akses internet broadband, perkhidmatan penyiaran, pusat perniagaan serta perkhidmatan bil segera.

Sementara itu, Idris berkata Telekom Malaysia akan terus meningkatkan pembabitannya dalam sukan bertaraf dunia selepas acara Le Tour de Langkawi (LTdL) baru-baru ini.

Beliau berkata Telekom Malaysia komited untuk membekalkan teknologi telekomunikasi terkini, terutama semasa perlumbaan Formula 1 Grand

Prix
Malaysia.

"Berdasarkan rekod, kami menjamin SIC dengan perkhidmatan yang boleh diharapkan sepanjang acara ini. Kami komited dan menjadi tanggungjawab kami untuk membekalkan teknologi terkini kepada pelanggan kami secara professional," kata Idris.

Sementara itu, Ahmad Mustafa memberitahu persidangan media bahawa lebih 200 wakil media tempatan dan antarabangsa akan berada di Litar Sepang membuat liputan perlumbaan terhebat dunia itu.

Menurutnya dengan perkhidmatan telekomunikasi disediakan oleh Telekom Malaysia, ia sudah pasti akan memudahkan wartawan untuk menghantar laporan mereka dengan pantas.

-- BERNAMA

FA MFJ AZH